

AYAT TANYA DALAM AL-QURAN : SATU ANALISIS PRAGMATIK

(The Question Form Sentences in Al-Quran : A Pragmatics Analysis)

Muhamad Zaidi Zakaria, Ibrahim Abdullah & Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad

ABSTRAK

Setiap ayat tanya yang dituturkan itu mengandungi makna tertentu, dan tidak semestinya membawa makna tujuan pertanyaan. Pentafsiran yang salah terhadap ayat tanya yang berbagai-bagai dalam bentuk pertuturan dan penulisan memberi implikasi terhadap ketepatan yang ingin disampaikan. Hal ini disebabkan ketepatan maksud ayat tanya seseorang misalnya tidak dapat diukur menerusi ungkapan semata-mata kerana ada kalanya seseorang itu mempunyai maksud yang lain, bukan seperti yang diucapkan mengikut pemahaman pendengar ketika itu. Apatah lagi ujaran ayat tanya dalam Al-Quran yang sudah pasti mempunyai makna implisit yang begitu luas di samping ayat Al-Quran yang mempunyai nilai balaghah yang sangat tinggi. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan makna eksplisit dan implisit yang terkandung dalam ujaran ayat tanya berdasarkan konteks. Kajian ini merupakan satu penyelidikan teks dokumen dari perspektif pragmatik yang menganalisis wacana lisan ayat tanya dalam surah al-Naml. Pengkaji melakukan penelitian terhadap variasi ayat tanya dan makna ayat berdasarkan konteks. Data kajian dianalisis berlandaskan Teori Relevan yang di kemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan diolah mengikut kesesuaian kajian teks Al-Quran berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh ahli tafsir yang muktabar yang telah pun dipersetujui khususnya pendapat-pendapat di dalam bidang bahasa. Hasil kajian mendapati bahawa ayat tanya dalam surah al-Naml bukan sahaja berfungsi sebagai pertanyaan tetapi sebagai pengungkap pelbagai fungsi lain seperti mempersenda, memberi amaran, dan mencela. Ujaran ayat tanya ini berfungsi dengan sempurna dalam usaha memberi kefahaman kepada pendengar dengan mesej tersirat yang mungkin tidak dapat disampaikan dengan gaya bahasa yang lain.

Kata kunci : Ayat Tanya, Al-Quran, Makna Eksplisit, Makna Implisit, Pragmatik.

ABSTRACT

Every spoken question form contains meaning, not necessarily for asking purposes. Incorrect implying of the variety of question forms in spoken and written discourses gives an implication towards the precise meaning of a question form. This is due to the exact meaning of a question form cannot be measured based on an utterance heard by a listener at the moment the question form is being uttered which affects to one's understanding. On the other hand, sometimes the speaker might have different meanings. Especially in Al-Quran, the question form has a vast implicit meaning and high value of rhetoric. Therefore, a great implying and understanding are needed in order to understand the question form in Al-Quran precisely. The purpose of this study is to identify dan explain the explicit and implicit meaning as available in spoken question form. According to the appropriate context. This study is a text document based research taken from pragmatics perspective which analysing the spoken discourse specifically the question

form sentences in Surah Al-Naml. The researcher did a thorough observation towards the variation in question form sentences and the meaning of each sentences according to the context. The data was analyzed based on the Theory of Relevance by Sperber and Wilson (1986). Then, this was altered to suit the need in doing research regarding al-Quran. It was altered based on the view and opinion given by explainers of holy Quran who are reliable and trustable. Their view were also had been approved especially in language field. The finding showed that the application of question form sentences in Surah Al-Naml not only function as a question but also as the way to deliver various function like to mock, to give warning and to blemish. The question form sentences function perfectly in order to give full understanding of the implicit meaning to the listener. This however, might not be achieved by using other types of sentences or forms.

Keywords: Question Form Sentences, Al-Quran, explicit meaning, implicit meaning, Pragmatics

PENGENALAN

Secara umumnya, Levinson (1987) mentakrifkan bidang pragmatik sebagai ilmu yang bersangkutan dengan ilmu sosiolinguistik, neurolinguistik, dan psikologi. Manakala secara lebih khusus, pragmatik ialah teori berkenaan dengan interpretasi ujaran, yang antara lain termasuk penginterpretasian yang taksa, yang eliptik dan sebagainya (Nor Hashimah, 1992:22). Dengan disiplin pragmatik, makna implisit sesuatu ujaran akan diperoleh selain melihat hajat sebenar si penutur terhadap ujaran yang disampaikan. Kajian pragmatik memberi penjelasan tentang cara bahasa itu digunakan dan pentafsiran makna berdasarkan penggunaan ungkapan dalam pelbagai konteks. Untuk mengetahui dan memahami makna sebenar sesuatu ujaran, kajian pragmatik mampu menyelesaikan masalah ketaksaan, masalah kekaburan di samping mencari rujukan serta berusaha menyampaikan maklumat yang tidak lengkap.

Berdasarkan maksud tersebut, didapati kajian ke atas ayat tanya yang dilakukan terhadap ujaran ayat tanya dalam surah al-Naml menepati bidang pragmatik. Hal ini disebabkan kajian yang dilakukan memberi tumpuan terhadap aspek bahasa iaitu menganalisis makna ayat tanya berdasarkan konteks yang terdapat dalam surah al-Naml.

Setiap ayat tanya yang dituturkan itu mengandungi makna tertentu, tidak semestinya membawa makna tujuan pertanyaan. Pentafsiran yang salah terhadap ayat tanya yang berbagai-bagai dalam bentuk pertuturan dan penulisan memberi implikasi terhadap ketepatan maksud. Hal ini disebabkan ketepatan maksud ayat tanya seseorang misalnya tidak dapat diukur menerusi ungkapan semata-mata kerana ada kalanya seseorang itu mempunyai maksud yang lain, bukan seperti yang diucapkan mengikut pemahaman pendengar ketika itu. Apatah lagi ujaran ayat tanya dalam al-Quran yang sudah pasti mempunyai makna implisit yang begitu luas di samping ayat al-Quran yang mempunyai nilai balaghah yang sangat tinggi.

Siti Hajar (2007) menyatakan bahawa ahli linguistik menganggap bentuk analisis pragmatik merupakan penganalisisan ujaran dengan sempurna. Ini kerana analisis sedemikian melihat ayat secara keseluruhan dan mempertimbangkan konteks sebagai penentu makna ujaran khususnya ayat tanya. Bagi ahli pragmatik, tanpa melibatkan konteks yang berperanan penting dalam menentukan makna, sesuatu ujaran akan menjadi kabur dan sukar difahami.

Dalam mengkaji ayat al-Quran, ia semestinya berkait rapat dengan balaghah dan i'jaz al-Quran. Persoalan i'jaz al-Quran merupakan satu persoalan utama dalam mengkaji dan menghurai makna bahasa al-Quran. Persoalan i'jaz dalam al-Quran masih lagi memerlukan

kepada kajian. Masih banyak sudut-sudut i'jaz yang tidak diketahui umum secara terperinci. Penelitian ini sangat penting kerana bahasa al-Quran sangat tinggi nilainya. Muhammad Ali al-Sabuniy (1980: 89) menyatakan bahawa i'jaz itu membawa maksud ketidakupayaan manusia untuk menandingi ketinggian al-Quran sama ada dari segi keindahan bahasa, ilmu-ilmu dan hukum-hakam, berita-berita ghaib dan sebagainya.

Oleh itu, kajian ini perlu bagi merungkai permasalahan dalam ketidakupayaan manusia memahami ayat al-Quran khususnya dalam ujaran ayat tanya dalam surah al-Naml sama ada membawa makna implisit atau eksplisit. Makna ujaran ayat tanya ini akan dikaji dari sudut konteks dengan melihat pendapat-pendapat ulama' tafsir muktabar supaya proses interpretasi makna ujaran ini selari dengan kehendak yang ingin disampaikan oleh Allah S.W.T kepada hambanya.

Kajian ini secara umumnya ingin mencapai beberapa sasaran dan matlamat yang berkaitan ayat tanya untuk tujuan tertentu yang bukan merupakan tujuan asal pertanyaan. Selain daripada itu, ia bertujuan untuk memperjelaskan i'jaz al-Quran dalam surah al-Naml. Berikut adalah objektif khusus dalam kajian ini :

- i. Mengenal pasti ayat tanya dalam surah al-naml.
- ii. Menganalisis dan menginterpretasi makna ayat tanya dalam surah al-Naml.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu penyelidikan teks dokumen dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks dari perspektif pragmatik linguistik yang menganalisis wacana lisan ayat tanya dalam surah Al-Naml. Pengkaji melakukan penelitian terhadap variasi ayat tanya dan makna ayat sama ada membawa makna implisit atau eksplisit. Data kajian dianalisis berlandaskan Teori Relevan yang di kemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan diolah mengikut kesesuaian kajian teks Al-Quran berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh ahli tafsir yang muktabar yang telah pun dipersetujui khususnya pendapat-pendapat di dalam bidang bahasa.

Reka bentuk kajian ini pada keseluruhannya adalah berupa analisis kandungan teks dengan menggunakan kaedah deskriptif. Kaedah kajian ini dibentuk sejajar dengan matlamat dan objektif kajian. Pendekatan digunakan untuk mencapai objektif kajian ini, iaitu pendekatan kualitatif. Pendekatan ini tertumpu pada usaha untuk mengesan makna-makna implisit mahupun eksplisit ujaran ayat tanya dalam surah al-Naml.

TEORI RELEVAN

Kajian ini diperkukuh dengan Teori Relevan yang dapat membantu menginterpretasi makna ujaran di sebalik ayat tanya. Teori Relevan diasaskan oleh Dan Speber dan Deidre Wilson pada tahun 1986 melalui buku 'Relevance Communication and Cognition (1986)'. Nor Hashimah Jalaludin (1992:33), Prinsip relevans lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dengan pendengar. Selain itu, penutur seharusnya dapat menjamin yang dituturkan itu benar-benar relevan serta sesuai untuk difahami oleh pendengar. Dengan kata lain, penutur dapat memastikan yang diperkatakan itu mempunyai ciri relevans yang optimal. Relevans yang optimal bermaksud setiap ujaran itu mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin. Dengan itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan.

Tiga gagasan utama yang ditekankan dalam Teori Relevan dalam pentafsiran makna ialah konteks, kesan konteks dan kos proses. Konteks ialah seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks yang dimaksudkan merangkumi konteks persekitaran fizikal, ujaran terdahulu, masa depan, hipotesis saintifik dan faktor sosial yang melatari konteks ujaran tersebut dituturkan. Kesemuanya memainkan peranan dalam interpretasi ujaran.

Menurut Zaiton Ismail (2003:36) kesan konteks atau kesan kognitif ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar. Apabila kesemuanya mendapat maklumat konteks dalam ujaran penutur, maklumat itu akan diproses tiga cara, sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sebenar sesuatu ujaran untuk mendapatkan kesan konteks yang tinggi.

Manakala usaha memproses pula, selain kesan konteks dan konteks yang melatari perbualan, usaha memproses maklumat juga harus dititikberatkan. Usaha memproses ialah usaha yang terlibat dalam menginterpretasikan makna ujaran. Dalam definisi relevans ini, semakin rendah usaha memproses maklumat, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Analisis Ayat Tanya dalam Data (1)

Analisis terhadap Data (1) “وَجَحَدُوا بِهَا وَاسْتَيْقَنَتْهَا أَنفُسُهُمْ ظُلْمًا وَعُلُوًّا فَانظُرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُفْسِدِينَ”. Data (1) ini merupakan ayat tanya yang terdapat dalam surah Al-Naml ayat ke 44. Ayat tanya merupakan ayat yang digunakan untuk bertujuan menanyakan sesuatu hal ataupun mendapatkan maklumat yang tidak difahami oleh penutur. Asmah Hj Omar (1986) menyatakan bahawa ayat tanya tidak semestinya menunjukkan pertanyaan semata-mata, malah ayat tanya perlu dilihat dalam konteks penggunaannya yang mendukung maksud yang sebenar. Justeru, data (1) ini di dapati mengandungi ayat yang membawa makna implisit dalam konteks yang melatari ayat tersebut.

Beberapa perkataan atau frasa penting dalam data (1) ini dikemukakan pada peringkat makna linguistiknya/Eksplisit berdasarkan kamus dan tafsir al-quran :

Data	Perkataan/Frasa	Makna Linguistik/Eksplisit
1	فَانظُرُوا	Maka lihatlah
	كَيْفَ	Bagaimana
	عَاقِبَةُ الْمُفْسِدِينَ	Akibat orang yang melakukan kerosakan

Dengan berdasarkan makna linguistik yang dikemukakan di atas, perkataan dan frasa bagi data (1) ini diringkaskan berdasarkan al-Quran terjemahan sebagai bermaksud “Dan mereka mengingkarinya kerana kezaliman dan kesombongan (mereka) padahal hati mereka meyakini (kebenaran) nya. Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang melakukan kebinasaan/kerosakan”.

Di dapati bahawa makna eksplisit ini didapati tidak selaras dengan konteks ujaran sebenar. Pendengar sedar bahawa penutur sudah tentu ingin menyampaikan sesuatu maksud yang lebih jauh daripada makna linguistiknya. Dengan kata lain, makna linguistik yang dikemukakan bukanlah makna yang ingin disampaikan oleh penutur kerana makna linguistik tersebut banyak meninggalkan ketaksaan pada proses perinterpretasian ayat tersebut. Melalui teori relevan dalam pendekatan pragmatik, makna sebenar data (1) ini diketahui.

Bagi membantu menginterpretasi makna sebenar data (1), kajian ini turut mengemukakan latar belakang ayat tersebut. Allah memberi peringatan kepada pendusta-pendusta Nabi Muhammad S.A.W supaya mengambil pengajaran dari azab yang menimpa kaum-kaum yang terdahulu. Walaupun peringatan secara zahir ditujukan kepada rasul sendiri kerana menggunakan *dhomir* (kata ganti nama) *mukahtab* untuk seorang (فَانظُرُوا) tetapi sebenarnya ditujukan kepada para pendustanya berdasarkan konteks ayat (Al-Qurtubiy, 152: 1995).

Umat-umat terdahulu ditimpakan azab kerana melakukan kerosakan di muka bumi ini dengan mendustakan agama Allah dan rasulnya. Lihatlah apa yang menimpa Firaun dan bala tenteranya yang sangat memusuhi rasul. Dengan kekuasaan Allah S.W.T, mereka ditenggelamkan dengan penuh ngeri di Laut Merah. Banyak lagi contoh-contoh yang serupa berlaku dalam sejarah umat Islam, seharusnya menjadi iktibar dan peringatan kepada manusia.

Makna ini masih lagi perlu diterokai secara mendalam kerana ada makna di sebalik kata-kata tersebut. Bagi mendapatkan makna tersirat data (1) ini, makna dikemukakan andaian-andaian pendengar atau pembaca terhadap ujaran tersebut;

Kod	Andaian
كَيْفَ (<i>Kaifa</i>) Bagaimana	<ul style="list-style-type: none"> a. Kesedaran di sebalik akibat melakukan kerosakan dengan mendustakan agama. b. Melihat akibat yang menimpa umat terdahulu. c. Suruhan melihat kemusnahan yang dilakukan oleh umat terdahulu.

Mengikut Teori Relevan, pendengar atau pembaca akan memproses andaian yang paling relevan dengan mereka daripada andaian-andaian yang telah dikemukakan. Hal ini selaras dengan pendapat Muhammad Fauzi Jumingan (2003) yang menyatakan bahawa andaian yang mempunyai kerelevanan optimal sahaja yang akan diproses. Andaian-andaian yang lemah akan digugurkan. Oleh itu, andaian (a) “ Allah S.W.T menyatakan amaran atau peringatan kepada golongan mendustakan agama Allah” merupakan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh Allah S.W.T.

Menurut Ali Al-Sobbuniy (406: 1981) pertanyaan dalam ayat ini menggunakan (كَيْفَ - *kaifa* – bagaimanakah) bertujuan memberi peringatan. Ayat ini walaupun secara zahirnya menggambarkan satu pertanyaan yang diajukan kepada pendusta-pendusta Nabi Muhammad S.A.W di atas apa yang berlaku terhadap umat-umat yang terdahulu kerana perbuatan mereka mendustakan rasul-rasul Allah, tetapi sebenarnya mengandungi mesej memberi peringatan dan amaran agar menjauhi perbuatan yang boleh mengundang azab Allah. Bukanlah merupakan tujuan asal untuk menyoal, kerana Maha Suci Allah daripada menyoal untuk mengetahui sesuatu. Golongan pendusta rasul bukan mudah untuk diajak berbicara kerana mereka menutup pintu hati mereka dari sinar kebenaran. Hanya peringatan dalam bentuk soalan sahaja dapat mengetuk pintu hati mereka dan seterusnya membimbing mereka ke arah kebenaran.

Justeru, makna implisit bagi data (1) mudah diketahui dan diperoleh dalam masa yang singkat kerana andaian (a) ini dapat menimbulkan kesan kognitif yang tinggi apabila dirujuk kepada pengetahuan sedia ada berdasarkan ahli tafsir yang muktabar. Di sini, peranan kognisi pendengar/pembaca amatlah penting untuk mengaplikasikan pengetahuan sedia ada mereka dalam konteks baharu.

Andaian (a) bagi data (1) ini amat bermanifestasi kerana mempunyai banyak maklumat konteks. Andaian ini mendapat konteks daripada pengetahuan sedia ada pendengar atau pembaca berdasarkan ahli tafsir yang muktabar dalam menginterpretasikan ujaran ayat tanya

ini. Hal ini memberi implikasi dalam memperkukuhkan andaian sehingga meninggalkan kesan konteks yang tinggi. Hasilnya usaha memproses data (1) ini menjadi rendah. Andaian-andaian lain yang lemah digugurkan kerana bertentangan dengan konteks ujaran.

Analisis Ayat Tanya dalam Data (2)

Analisis terhadap Data (2) “ أَمْ مَنْ جَعَلَ الْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلَ خِلَالَهَا أَنْهَارًا وَجَعَلَ لَهَا رَوَاسِي وَجَعَلَ بَيْنَ الْبَحْرَيْنِ حَاجِزًا أَلَيْسَ مَعَ اللَّهِ بَلٌ ”. Data (2) ini merupakan ayat tanya yang terdapat dalam surah Al-Naml ayat ke 61. Beberapa perkataan atau frasa penting dalam data (1) ini dikemukakan pada peringkat makna linguistiknya/Eksplisit berdasarkan kamus dan tafsir al-quran :

Data	Perkataan/Frasa	Makna Linguistik/Eksplisit
2	مَنْ	Siapakah
	جَعَلَ الْأَرْضَ	Menjadikan bumi
	أَلَيْسَ مَعَ اللَّهِ	Adakah tuhan lain bersama Allah

Dengan berdasarkan makna linguistik yang dikemukakan di atas, perkataan dan frasa bagi data (1) ini diringkaskan berdasarkan al-Quran terjemahan sebagai bermaksud “Atau siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat tinggal, dan yang menjadikan sungai-sungai di celah-celahnya, dan yang menjadikan gunung-ganang untuk (mengukuhkan) nya dan menjadikan suatu pemisah antara dua laut? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Bahkan (sebenarnya) kebanyakan dari mereka (yang musyrik itu) tidak mengetahui.”

Dalam penganalisan ini, di dapati bahawa makna linguistik atau terjemahan literal ini bukanlah makna sebenar yang ingin disampaikan oleh Allah S.W.T kerana makna linguistik ini kabur dalam konteks ujaran tersebut. Hal ini selaras dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin (1992) bahawa bentuk-bentuk logik melahirkan makna ayat yang diujarkan tetapi banyak meninggalkan ketaksaan dan rujukan yang belum diselesaikan. Walau bagaimanapun, huraian makna linguistik ini dilihat sebagai satu keperluan kerana dapat membantu penginterpretasian makna implisitnya.

Umumnya, ayat ini menyatakan bahawa mempersekutukan Allah dengan yang baharu sangat besar dosanya. Walaupun telah diperjelaskan tanda-tanda keesaan dan kekuasaanNya, namun masih lagi orang-orang musyrikin yang tidak dapat menerimanya kerana hati mereka tertutup untuk menerima kebenaran. Bagi mendapatkan makna implisitnya, beberapa andaian pendengar mahupun pembaca terhadap data (2) ini muncul seperti berikut:

Kod	Andaian
مَنْ (man) siapakah	a. Celaan disebabkan ketidaksedaran akan semua ciptaan ini adalah milik Allah S.W.T b. Siapakah mencipta bumi, sungai, gunung-ganang dan bukit bukau? c. Tuhan selain Allah (S.W.T)

Kesemua kekaburan ayat ini perlu dijelaskan sebagai langkah untuk mendapatkan makna yang sebenar. Tugas ini sudah tentu memerlukan pemahaman terhadap keseluruhan ayat bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang konteks ujaran.

Al-Syaukaniy (146: 1964) di dalam kitab tafsirnya, menyatakan bahawa Allah menunjukkan kepada orang-orang musyrikin tanda-tanda keesaan dan kekuasaan-Nya dengan

mencipta bumi itu tetap dan tidak bergoyang untuk dijadikan penempatan bagi manusia, menjadikan sungai-sungai yang mengalir untuk kesuburan muka bumi ini, menjadikan gunung-ganang dan bukit-bukau sebagai pasak bumi supaya tidak bergoyang dan menjadikan permukaan muka bumi lebih tinggi daripada paras laut supaya air laut tidak bercampur dengan air tawar, yang mana jika perkara ini berlaku boleh merosakkan kehidupan di alam ini.

Pertanyaan ini sebenarnya bukanlah hendak mencari satu jawapan yang tidak diketahui sebelumnya, kerana adalah tidak munasabah pada akal untuk diperbandingkan Allah dengan makhlukNya. Justeru, berdasarkan kepada konteks ujaran tersebut dituturkan ayat tanya ini sebenarnya adalah untuk mencela perbuatan mempersekutukan Allah, di samping mempersenda tinglah laku mereka yang jelas memperlihatkan kebodohan dan kedangkalan fikiran.

Berdasarkan penelitian dalam Teori Relevan, ujaran ayat tanya ini tidak sukar diproses untuk mendapatkan makna yang sebenar. Hal ini kerana andaian (a) berjaya diperkukuh oleh konteks ujaran yang membekalkan pengetahuan sedia ada dan dikuatkan oleh ahli tafsir kepada pendengar untuk menginterpretasikan makna data (2) ini. Penguatan maklumat telah berlaku terhadap andaian oleh konteks sehingga berjaya menimbulkan kesan konteks yang tinggi, hasilnya usaha memproses data (2) ini adalah rendah. Oleh itu, andaian (a) telah dikenal pasti sebagai makna implisit.

Kesimpulannya bahawa melalui usaha penginterpretasian selapis demi selapis, bermula dengan pemahaman terhadap makna linguistik. Maka, didapati bahawa makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur melalui data (2) ini ialah andaian (a) iaitu “ mencela melalui pertanyaan dalam memberi kesan yang sangat mendalam dalam diri pendengar untuk menimbulkan perasaan bersalah di atas apa yang telah dilakukan. Apabila pendengar dapat menilai dan berfikir dengan waras, maka ia akan menyedari kesalahan yang dilakukan”. Andaian ini paling hampir dengan konteks ujaran. Dengan ini, andaian-andaian yang lain yang tidak sesuai dengan konteks ujaran digugurkan. Pengguguran ini juga akan menguatkan andaian (a) sebagai makna sebenar. Perkara ini ditekankan oleh Sperber & Wilson (1986) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1990: 454) bahawa apabila andaian baharu dan lama bercanggah, andaian yang paling lemah digugurkan. Lebih banyak andaian yang digugurkan, maka ujaran itu menjadi semakin kuat dan bertambah relevan. Begitulah juga dengan data (2) ini, pada peringkat harfiahnya data tersebut sememangnya dilihat sebagai ayat tanya tetapi setelah makna sebenar diperoleh secara pragmatik, didapati bahawa data (2) ini bukan berfungsi untuk bertanya sebaliknya untuk mencela.

Analisis Ayat Tanya dalam Data (3)

Data (3) ini dikesan dalam “ قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَىٰ اللَّهُ خَيْرٌ مَّا يُشْرِكُونَ ”. Data (2) ini merupakan ayat tanya yang terdapat dalam surah Al-Naml ayat ke 59. Beberapa perkataan atau frasa penting dalam data (1) ini dikemukakan pada peringkat makna linguistiknya/Eksplisit berdasarkan kamus dan tafsir al-quran :

Data	Perkataan/Frasa	Makna Linguistik/Eksplisit
3	آ	Adakah
	خَيْرٌ	Baik/lebih baik
	أَمَا يُشْرِكُونَ	Apa yang mereka sekutukan

Dengan berdasarkan makna linguistik yang dikemukakan di atas, perkataan dan frasa bagi data (1) ini diringkaskan berdasarkan al-Quran terjemahan sebagai bermaksud Katakanlah wahai Muhammad: "Segala puji bagi Allah dan kesejahteraan atas hamba-hamba-Nya yang terpilih untuk membawa risalahnya (para anbiya'). Adakah Allah pencipta yang maha bijaksana lebih baik daripada berhala yang mereka jadikan sekutu-sekutu bagi Allah".

Memandangkan makna linguistik tidak dapat memaparkan makna yang sebenar, maka usaha tambahan perlu dilakukan dengan merujuk premis-premis tambahan yang dibekalkan dalam ujaran agar makna yang sebenar dapat diperolehi. Hal ini selaras dengan pendapat Sperber & Wilson (1986) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:883) yang menyatakan bahawa jika kita melihat ayat itu dari sudut semantik semata-mata, hasilnya tidak memuaskan kerana pendefinisian yang terhad kerana semantik amat terikat pada kekangan nahu sedangkan dalam menyatakan sesuatu perintah atau pertanyaan, banyak faktor terlibat iaitu selain faktor nahu, faktor bukan nahu (faktor kehendak) juga terlibat.

Bagi membantu mendapatkan makna implisit ayat ini, kajian ini mengemukakan maklumat dan ringkasan latar belakang berkaitan ayat ujaran pertanyaan tersebut. Dalam ayat-ayat sebelum ini, Allah menceritakan kisah-kisah empat orang nabi dan kaum mereka dan bagaimana mereka dibinasakan kerana melakukan syirik kepada Allah dan menjadi musuh kepada nabi-nabinya.

Dalam ayat ini pula Allah memerintahkan rasul-Nya iaitu Nabi Muhammad supaya mengucapkan puji dan syukur kepada Allah di atas nikmat-nikmatNya yang tidak terhingga dan mengucapkan salam sejahtera kepada para anbiya' sekaliannya kerana menjalankan kewajipan mereka untuk berdakwah dan menyampaikan risalah Allah. Kemudian disusuli pula dengan hujah-hujah untuk membuktikan sifat wahdaniah dan kekuasaanNya di samping menjelaskan ketidakwajaran seseorang musyrik yang mempersekutukan Allah dengan makhlukNya.

Seterusnya bagi mendapatkan makna implisit ayat ini, maka dikemukakan andaian-andaian terhadap ujaran tersebut;

Kod	Andaian
ī	a. Mempersenda akan ketidakmampuan berfikir dalam membeza antara Allah dan berhala.
(aa) adakah	b. Adakah Allah maha pencipta segala-galanya?

Andaian-andaian di atas merupakan jangkaan pendengar atau pembaca terhadap ujaran penutur. Hal ini kerana menurut Soenjono Dardjowidjojo (2007), dalam beberapa hal, kadang-kadang kita menemukan ayat yang bermakna lebih daripada satu yang umumnya disebut sebagai ayat yang taksa. Dalam segi pemprosesan untuk pemahaman, ayat yang taksa memerlukan waktu yang lebih lama untuk diproses. Hal ini kerana pendengar meneka makna tertentu.

Pengetahuan sedia ada pendengar ini membekalkan konteks yang amat baik bagi membantu pendengar mendapatkan makna yang sebenar bagi data (3) . melalui penguatan maklumat, andaian (a) bagi data (3) di atas telah diperkukuh oleh pengetahuan sedia ada pendengar. Oleh itu, usaha memproses data (3) ini amatlah rendah. Dengan ini, andaian (a) merupakan makna yang ingim disampaikan oleh penutur.

Andaian (a) ini dikukuhkan dengan penyataan oleh Al-Sabuniy (414: 1981) yang menyatakan ayat tanya ini disampaikan dengan cara yang halus dan tidak langsung agar pendengar dapat menerimanya dan tidak begitu menampakkan mereka dipersendakan dan diperbodohkan pada peringkat awal. Makna eksplisit ayat ini menunjukkan satu pertanyaan

dari Allah S.W.T kepada orang musyrikin Mekah dengan menggunakan *hamzah istifham*. Sebenarnya pertanyaan dalam bentuk makna yang nyata ini adalah mustahil bagi Allah, sebaliknya pertanyaan ini mempunyai makna implisit yang bertujuan mengejek dan menghina perbuatan terkutuk yang mereka lakukan.

Selain daripada itu, makna sendaan ini terserlah lagi dengan perbandingan, antara dua perkara yang pada dasarnya tidak boleh dibuat perbandingan kerana salah satunya langsung tidak mempunyai apa-apa kebaikan. Mustahil jika boleh dilakukan perbandingan, yang mana lebih baik antara kekuasaan, kebijaksanaan dan sifat pemurah dan penyayang Allah dengan berhala yang sememangnya diketahui tidak mempunyai sebarang kebaikan. Sebaliknya perbandingan ini dibuat atas dasar untuk mengejek dan mempersendakan kaum musyrikin di atas kebodohan mereka menyangka bahawa berhala yang tidak bernyawa itu mampu memberi kebaikan kepada mereka (Al-Zamakhsyariyy: 1988).

Dengan berdasarkan analisis ini, kajian ini berpendapat bahawa penggunaan ayat tanya dengan kata “adakah” dalam data (3) tidak semestinya membawa maksud pertanyaan semata-mata. Ayat tanya yang diperlihatkan dalam bentuk linguistik tersebut bukanlah tujuan yang sebenar, sebaliknya Allah S.W.T ingin mempersendakan atau mengejek kaum musyrikin bagi mereka merenung dirinya di atas sikap angkuh yang terus menerus menyembah berhala walaupun mengetahui berhala itu tidak mampu melakukan apa-apa.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa makna implisit bagi data (3) ini mudah diperoleh pendengar berdasarkan konteks yang melatarinya. Andaian ini dikukuhkan oleh pendapat ahli tafsir yang muktabar sekali gus menjadikan andaian ini sebagai andaian yang paling relevan, sekali gus menafikan andaian yang lain lalu digugurkan.

KESIMPULAN

Kajian berkaitan analisis ayat tanya adalah sangat penting untuk melihat maksud sebenar yang didukung oleh sesuatu ayat tanya. Dengan mengaplikasi Teori Relevans, didapati bahawa kebanyakan penggunaan ayat tanya dalam surah al-Naml telah digunakan dengan bertujuan membawa maksud implisit seperti seperti mempersenda, memberi amaran, dan mencela. Ujaran ayat tanya ini berfungsi dengan sempurna dalam usaha memberi kefahaman kepada pendengar dengan mesej tersirat yang mungkin tidak dapat disampaikan dengan gaya bahasa yang lain.

Sebagai kesimpulan kajian, ayat tanya dalam sesebuah perbualan antara penutur dan pendengar menunjukkan kepada pelbagai tujuan atau fungsi. Khususnya dalam kajian ini, keindahan seni bahasa terletak pada penyampaian maksud secara halus dan tersirat di sebalik ayat tanya yang boleh disesuaikan dengan keadaan sebenar. Tambahan lagi, kajian seperti ini adalah berhadapan dengan kalam Allah yang bersifat mu'jizat. Sebagai seorang hamba, banyak lagi rahsia i'jaz atau keistimewaan al-Quran yang masih kekal menjadi rahsia Nya.

RUJUKAN

Al-Quran

Anne O'Keeffe, Brian Clancy, Svenja Adolphs. (2011). *Introducing pragmatics in use*. New York : Routledge.

Al-Tabari. (Tafsir al-Tabari). (1997). *Al-mūsammá Jāmi' al-Bāyan fi ta'wil al-Qur'an*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat. Beirut: Lubnan.

- Asmah Haji Omar. (1986). Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Birner, Betty J., (2013). Introduction to Pragmatics. Wiley-Blackwell, Oxford.
- Gunter Senft. (2014). Understanding pragmatics : an interdisciplinary approach to language use. New York : Routledge.
- Jad al-Kareem Abdullah. (2014). Al-Tadawuliyatt Fi al-Dirasatt al-Nahwiyyatt. al-Qahiratt.
- Kristin Börjesson. (2014). The Semantics-Pragmatics Controversy. Berlin : De Gruyter Mouton.
- [Leech, Geoffrey N.](#) (2014). The pragmatics of politeness. New York : Oxford University Press.
- Levinson. (1987). Pragmatics. Cambridge: Cambridge University Press.
- Marina Sbisà, Ken Turner. (2013). Pragmatics of speech actions. Berlin : De Gruyter Mouton.
- Mohd Zaki Abd.Rahman et al. (2013). Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab: Satu Pengenalan dalam Ilmu Ma'ani. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2015). Balaghah Melayu berdasarkan Balaghah Arab : satu pengenalan dalam ilmu Bayan. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Ali al-Sobbuniy, (1980). Al-Tibyan fi Ulu al-Quran. Makah. Saiyid Hassan A'bbas Syarbatliy.
- Muhammad Ali al-Sobuniy, (1981). Sofwah al-Tafasir. Beirut: Dar al-Quran al-Karim.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2003). Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah. (1990). Semantik dan Pragmatik dalam Teori dalam Teori Relevan. Jurnal Dewan Bahasa, 34(6), 474-483.
- Nor Hashimah. (1992). Semantik Dan Pragmatik: Satu Pengenalan. Kuala Lumpur. D.B.P
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2007). Bahasa Melayu Perbualan Dengan Berdasarkan Analisis Model Pragmatik Gabungan Tambahan. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). Pragmatik Linguistik. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Soenjono Dardjowidjojo. (2007). Psikolinguistik: Memahami Asas Pemerolehan Bahasa. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Sperber, D. dan Wilson, D. (1986) Relevance Theory: Communication and Cognition. Oxford: Basil Blackwell Publisher Ltd.
- Sumarlam. (2017). Pemahaman dan kajian pragmatik. Mojosongo, Solo : Bukukatta.
- Thomas, J. (1981). Pragmatic Failure. Lancaster: University of Lancaster Press
- Wan Muhammad Wan Sulong. (2013). Al-Tanawwu' al-Lughawial-Ijtima'i fi Uslub al-Khitab al-Nabawi: Dirasah Tahliliyyah fi Namazij min Ahadith Sahih Muslim. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Yan Huang. (2015). Pragmatik. Kuala Lumpur : Legasi Press.
- Al- Zamakhsyari. (1988). Al Kāssyaf a'n Hāqaiq al Tānzil wa U'yun al Aqāwil fi Wūjuh al Ta'wil. Maktabatt Misr, al Fujalah, Kaherah.
- Zaiton Ismail. (2003). Bahasa Berirama dari sudut pandangan Teori Lakuan Bahasa, Teori Grice dan Teori relevans. Dewan bahasa 3(1), 36-43.

MAKLUMAT PENULIS

MUHAMAD ZAIDI ZAKARIA (PHD)

Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam,
Selangor.
muhazaidi@uitm.edu.my

IBRAHIM ABDULLAH

Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam,
Selangor.
ibrahim970@salam.uitm.edu.my

MUHAMMAD LUQMAN IBNUL HAKIM MOHD SAAD

Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan,
Kelantan.
luqman701@uitm.edu.my